

**KENYATAAN DATUK BANDAR
MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI
MAJLIS PENUH KALI KE-611
BIL. 5/2025 PADA 28 MEI 2025**

**1. ANUGERAH MAJIKAN PRIHATIN PERINGKAT PIHAK
BERKUASA TEMPATAN TAHUN 2025**

Sukacita saya maklumkan bahawa Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) telah mencatat satu lagi kejayaan apabila terpilih menerima Anugerah Majikan Prihatin Peringkat Pihak Berkuasa Tempatan Tahun 2025.

Anugerah berprestij ini telah disampaikan oleh YB Dato' Sri Abdul Rahman bin Mohamad, Timbalan Menteri Sumber Manusia, dalam satu majlis yang telah berlangsung pada 2 Mei 2025 bertempat di Wisma Perwira ATM, Kuala Lumpur.

Bagi pihak MBSP, saya telah berkesempatan menerima anugerah tersebut dalam majlis yang turut disaksikan oleh Dato' Dr. Haji Adnan bin Mat, Presiden CUEPACS, dan Tan Sri Wan Ahmad Dahlan bin Haji Abdul Aziz, Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam.

MBSP telah dipilih sebagai penerima anugerah ini berdasarkan komitmen tinggi dan sumbangan berterusan dalam menjaga kebajikan serta keprihatinan terhadap kakitangan. Selain itu,

hubungan yang erat dan harmoni dengan kesatuan sekerja di peringkat dalaman turut menjadi asas kepada pengiktirafan ini.

Sebagai simbol penghargaan, MBSP telah menerima wang tunai berjumlah RM1,500.00, sijil penghargaan, dan piala kemenangan.

Syabas dan tahniah saya ucapkan kepada seluruh warga MBSP atas pencapaian ini. Marilah kita terus kekalkan budaya kerja yang inklusif, sejahtera dan progresif, serta menjadi contoh kepada pihak berkuasa tempatan lain di seluruh negara.

2. PENEMPATAN PENGAWAI KUMPULAN PENGURUSAN DAN PROFESIONAL

Dengan ini dimaklumkan bahawa MBSP telah menerima penempatan satu (1) orang Pegawai Kumpulan Pengurusan dan Profesional (P&P), iaitu Puan Aimi Amira binti Zanal Bidin. Beliau adalah Pegawai Penilaian, Gred 10. Penempatan beliau di Jabatan Pesuruhjaya Bangunan MBSP sebagai pengarah jabatan tersebut menggantikan Tuan Sr Zulhisyam bin Abdul yang telah ditukarkan ke Johor Bahru. Penempatan beliau adalah berkuatkuasa pada 19 Mei 2025. Sebelum ini, beliau adalah Pegawai Penilaian di Jabatan Penilaian Dan Pengurusan Harta Alor Setar, Kedah. Selamat datang kepada Puan Aimi Amira.

3. PEMAKLUMAN JADUAL KUTIPAN SAMPAH SEMPENA HARI RAYA AIDILADHA 2025

Bersempena dengan sambutan Hari Raya Aidiladha 2025 yang bakal disambut pada 7 Jun 2025 (Sabtu), Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) akan membuat penambahan dan pindaan kepada jadual kutipan sampah seperti kebiasaan yang diamalkan setiap tahun. Jadual kutipan sampah sempena Hari Raya Aidiladha 2025 adalah seperti berikut :

a) 6 Jun 2025 (Jumaat) – Sehari Sebelum Raya

Penambahan kekerapan bagi kutipan sampah di seluruh Seberang Perai adalah seperti berikut.

- i. Kutipan sampah pusingan pertama akan bermula pada pukul 6.00 pagi hingga 1.00 petang. (Jadual A dan C)
- ii. Manakala kutipan sampah pada pusingan kedua pula akan bermula pada 3.00 petang hingga selesai. (Jadual B & C)

b) 7 Jun 2025 (Sabtu) – Hari Raya Aidiladha

Kutipan pada Hari Raya Aidiladha akan dijalankan satu (1) hari sekali sahaja iaitu Jadual C yang bermula pada 12.00 tengah hari sehingga selesai.

c) 8 Jun 2025 (Ahad) – Sehari Selepas Raya

Kutipan pada sehari selepas Hari Raya dijalankan mengikut jadual Jadual C sahaja yang bermula pada 7.00 pagi hingga selesai.

Selain itu, bagi menampung lebihan sampah sempena Hari Raya Aidiladha ini, MBSP akan meletakkan tambahan tong jenis RORO pada 6 hingga 8 Jun 2025 di 20 lokasi *hotspot* di seluruh Seberang Perai seperti di kebuk-kebuk sampah di Jalan Seri Serdang, Jalan Seri Gelugor, Jalan Kubang Menerong, Jalan Jarak, Jalan Cahaya Seribu, Jalan Maju, Jalan Simpang Empat Permatang Buloh, Kawasan Flat UDA Bagan Dalam, Kawasan SK Sama Gagah, Kawasan pencawang Bukit Indera Muda, Pasar Awam Kampung Baru, Pasar Awam Kota Permai, Pasar Awam Sri Rambai, Pasar Awam Permatang Tinggi, Jalan Kampung Stesyen, Jalan Kampung Sanglang dan Jalan Kampung Kepala Gajah.

Perubahan jadual kutipan ini adalah selaras dengan dasar MBSP untuk memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada penduduk Seberang Perai terutamanya pada musim perayaan. MBSP menyeru semua pihak di Seberang Perai supaya dapat mengurangkan penjanaaan sisa sampah, tidak membazirkan makanan dan mengamalkan kitar semula semasa menyambut Hari Raya Aidiladha 2025.

4. PENUBUHAN PERSATUAN KAKITANGAN INDIA MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI (PERSAKTI MBSP)

Saya menyambut baik penubuhan Persatuan Kakitangan India Majlis Bandaraya Seberang Perai (PERSAKTI MBSP) sebagai satu langkah strategik yang mencerminkan iltizam MBSP dalam memperkukuh perpaduan, keharmonian dan kesejahteraan warga kerja secara inklusif dan menyeluruh.

Penubuhan PERSAKTI MBSP akan berkuat kuasa mulai 1 Jun 2025, dan keahliannya terbuka kepada semua kakitangan berbangsa India di MBSP, sama ada yang bertaraf tetap mahupun kontrak.

Warga kerja berbangsa India digalakkan untuk menyertai persatuan ini sebagai satu bentuk pengukuhan terhadap perpaduan, kebajikan dan pelestarian warisan budaya.

Selain itu, penubuhan PERSAKTI turut membuka ruang kepada pelaksanaan pelbagai program yang bersifat kebajikan, kebudayaan, sosial dan pembangunan modal insan — yang secara langsung akan memperkaya penglibatan komuniti kakitangan India di MBSP.

Sesungguhnya, PERSAKTI MBSP diharap dapat menjadi wadah penyatuan warga kerja berbangsa India, memperkasakan potensi modal insan, serta memperkukuh semangat kekitaan dalam perkhidmatan awam.

5. MBSP MELARANG MENJALANKAN PENEANGAN POKOK MELEBIHI 0.8 METER TANPA KEBENARAN BERTULIS

Pada 15 Mei 2025, Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) telah mengambil tindakan pendakwaan terhadap enam (6) Orang Kena Saman (OKS) di Mahkamah Majistret MBSP, Bukit Mertajam atas kesalahan di bawah Seksyen 35H(1) Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172).

Kesalahan tersebut melibatkan peneangan dua (2) batang pokok jenis *Samanea Saman* yang mempunyai lilitan melebihi 0.8 meter tanpa kebenaran bertulis daripada MBSP. Kejadian berlaku di Lot 2461, Lorong Tembikai 8, Mukim 10, Seberang Perai Tengah.

Kesemua OKS telah mengaku bersalah, dan Mahkamah telah menjatuhkan hukuman denda keseluruhan sebanyak RM13,000.00 terhadap mereka.

MBSP ingin menegaskan bahawa sebarang aktiviti peneangan pokok yang mempunyai lilitan melebihi 0.8 meter hendaklah terlebih dahulu mendapatkan kebenaran bertulis daripada pihak MBSP. Kegagalan berbuat demikian boleh mendatangkan pelbagai risiko kepada penduduk sekitar, termasuk gangguan terhadap kestabilan tanah, sistem saliran, keselamatan awam dan kualiti persekitaran setempat.

MBSP tidak akan berkompromi terhadap sebarang pelanggaran undang-undang yang boleh menjejaskan peraturan perancangan, keseimbangan alam sekitar serta kesejahteraan masyarakat. Tindakan tegas akan terus diambil bagi memastikan pematuhan dan kelestarian pembangunan di kawasan Seberang Perai..

6. SELAMAT MENYAMBUUT HARI RAYA AIDILADHA 1446H/2025M

Saya ingin mengucapkan Selamat Hari Raya Aidiladha 1446H/2025M kepada seluruh warga kerja dan penduduk Seberang Perai yang beragama Islam. Hari Raya Aidiladha bagi tahun ini dijangka disambut pada 7 Jun 2025 (Sabtu). Semoga sambutan tahun ini disemarakkan dengan semangat pengorbanan, keikhlasan dan kebersamaan.

Aidiladha mengingatkan kita tentang erti sebenar pengorbanan dan ketulusan hati dalam menjalankan tanggungjawab kepada keluarga, masyarakat dan agama. Ia juga menjadi titik peringatan untuk memperkukuhkan ukhuwah, saling membantu dan sentiasa bersyukur atas segala nikmat.

Saya menyeru agar kita terus mempereratkan hubungan kejiiran dan saling menyokong dalam mewujudkan komuniti yang harmoni, selamat dan sejahtera.

Semoga ibadah korban kita diterima Allah SWT dan membawa keberkatan dalam kehidupan seharian.

Selamat Menyambut Hari Raya Aidiladha. Maaf Zahir dan Batin.

7. SAMBUTAN TAHUN BARU KALENDAR ISLAM (AWAL MUHARAM 1447)

Di kesempatan ini juga saya ingin mengucapkan Selamat Menyambut Awal Muharam 1447H kepada seluruh penduduk yang saya hormati sekalian. Sambutan awal Muharam bakal disambut pada 27 Jun 2025 (Jumaat).

Awal Muharam merupakan detik penting dalam kalendar Islam yang memperingati penghijrahan Rasulullah SAW, satu peristiwa yang penuh dengan semangat perubahan, pengorbanan dan keazaman. Ia menjadi simbol permulaan baharu yang bukan sahaja dalam takwim, tetapi juga dalam kehidupan kita sebagai individu dan masyarakat.

Marilah kita sama-sama bermuhasabah, memperbaiki hubungan sesama insan dan memperkuat nilai-nilai murni dalam komuniti — saling menghormati, bekerjasama, dan hidup dalam suasana yang aman dan sejahtera.

Semoga tahun baharu ini membawa keberkatan, kesihatan, keamanan dan kemajuan kepada kita semua. Salam Maal Hijrah 1447H.

Justeru itu, saya ingin mengingatkan kepada seluruh warga Seberang Perai supaya menjaga kesihatan dan mengamalkan amalan pemakanan yang baik dan sihat sepanjang sambutan musim perayaan ini.

Sekian, terima kasih.